MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]

NO. SOALAN : 156

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pembinaan dan membaik pulih rumah untuk golongan miskin tegar dan miskin di luar bandar melalui Program Bantuan Rumah di seluruh negara, terutamanya di Parlimen Libaran.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah memperuntukkan sejumlah **RM1.171 bilion** bagi pelaksanaan **Program Bantuan Rumah (PBR)** sepanjang tempoh pelaksanaan **Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) di seluruh negara. Bagi Negeri Sabah, sejumlah RM434.49 juta telah diperuntukkan** untuk menyediakan **16,113 buah rumah** meliputi **8,036 unit rumah telah dibina** dan **8,077 unit rumah telah dibaik pulih**. Bagi tahun 2016, KKLW akan meneruskan pelaksanaan PBR di Sabah dengan unjuran peruntukan sebanyak **RM85.5 juta** meliputi **3,876 buah rumah** dengan **1,026 unit rumah akan dibina** dan **2,850 unit rumah akan dibaik pulih.**

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh pelaksanaan **RMKe-10,** Parlimen Libaran **telah diperuntukkan** sejumlah **RM10.92 juta** untuk menyediakan **274 buah rumah** dengan **222 unit rumah telah dibina** dan **52 unit rumah telah dibaik**

167

pulih. **Sehingga Februari 2016** pula, Parlimen Libaran telah diunjurkan akan menerima peruntukan sebanyak **RM1.5 juta** dengan **30 unit rumah akan dibina.**